


KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks. : 03-8883 4389/4364/4395
Web : <http://finance.moh.gov.my>



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SIJIL: AR 5597

(64) dlm.KKM-58/900/69 Jld. 7

21 November 2012

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

KELULUSAN KEMUDAHAN WAD KELAS PERTAMA DAN PENGECUALIAN BAYARAN BIL PERUBATAN YANG DITERIMA OLEH WARGANEGARA PENDERMA ORGAN DIPANJANGKAN KEPADA WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA PENDERMA SEL STEM, BUKAN WARGANEGARA PENDERMA ORGAN SERTA WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA PENDERMA KADAVERIK DI HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas.

2. Sebagaimana surat Kementerian ini ruj: (95) dlm.KKM-203/18 Jld. 4 bertarikh 29 Disember 2003, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 16(13) Perintah Fi (Perubatan) 1982 telah bersetuju untuk memberi kemudahan wad kelas pertama secara percuma kepada orang perseorangan warganegara Malaysia yang masih hidup yang telah mendermakan sebahagian daripada organnya kepada pesakit lain yang memerlukan organ berkenaan dan juga telah mengecualikan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital KKM dan telah mendermakan organnya dari membayar bil hospital di wad yang mereka duduki. Kelulusan tersebut berkuatkuasa pada 29 Disember 2003.

3. Bagi menyokong peningkatan kesedaran dan kesediaan orang ramai dalam pendermaan organ masing-masing atau ahli keluarga yang telah meninggal dunia serta sebagai penghargaan yang sewajarnya kepada penderma-penderma organ, maka Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah bersetuju untuk memanjangkan kelulusan tersebut iaitu kemudahan wad kelas pertama secara percuma kepada orang perseorangan warganegara Malaysia yang masih hidup yang telah mendermakan sebahagian daripada organnya kepada pesakit lain yang memerlukan organ berkenaan dan mengecualikan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di hospital KKM serta telah mendermakan organnya dari membayar bil hospital di wad yang mereka duduki kepada:-

- (i) Bukan warganegara penderma organ yang telah mendermakan organnya secara percuma kepada seseorang warganegara di hospital KKM;
- (ii) Warganegara dan bukan warganegara penderma sel stem iaitu penderma sum-sum tulang atau darah untuk tujuan transplan sel stem kepada penerima warganegara; dan
- (iii) Warganegara dan bukan warganegara penderma kadaverik iaitu penderma yang telah meninggal dunia sama ada yang telah menderma organnya olehnya sebelum itu atau oleh waris selepas kematiannya secara percuma kepada seseorang penerima warganegara.

4. Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga bersetuju agar pengecualian untuk penderma-penderma di atas adalah merangkumi semua caj yang sepatutnya dikenakan di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2003 yang berkaitan dengan prosedur penyiasatan, prosedur pembedahan dan pemindahan serta rawatan susulannya selepas itu sama ada sebagai pesakit luar atau pesakit dalam mengikut kelas wad yang didudukinya.

5. Kerjasama semua Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri adalah dipohon untuk memastikan kemudahan dan pengecualian ini dilaksanakan dengan teratur dan lancar di semua hospital di bawah seliaan masing-masing.

6. Kelulusan kemudahan dan pengecualian ini berkuatkuasa mulai tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Saya yang menurut perintah,



(WONG FOONG LAI)
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

s.k.

Ketua Setiausaha
Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
Ketua Pengurusan Perolehan Transplan Kebangsaan
Pusat Sumber Transplan Nasional